

Kritikan Abdul Hadi serlah budaya musyawarah hanya retorik politik PN



Oleh Prof Dr Rusdi Omar
bhrencana@bh.com.my

Kenyataan Presiden PAS, Tan Sri Abdul Hadi Awang, kelmarin untuk 'menilai semula' kerjasama dengan BERSATU menimbulkan persoalan besar mengenai disiplin organisasi dan budaya musyawarah dalam Perikatan Nasional (PN) sendiri.

Mengikut laporan BH, dalam kenyataannya kepada media di Marang, Abdul Hadi berkata: "BERSATU juga bertindak menyekat keahlian parti Melayu-Islam ke dalam PN. Dia tidak setuju keahlian baharu dalam PN. Kita nak banyakkkan lagi anggota dalam PN, tetapi tiba-tiba dia tolak. Jadi (ini) tak menyenangkan dan membahagiakan kita."

Beliau turut memberi amaran: "Kita akan kaji dan meneliti satu persatu tindakan dilakukan BERSATU untuk tindakan selanjutnya. Jika tindakan BERSATU boleh menjejaskan PN pada pilihan raya umum (PRU) akan datang, kita akan bertindak."

Kenyataan ini bagaimanapun menimbulkan persoalan besar kerana ia dibuat hanya beberapa hari selepas Mesyuarat Majlis Tertinggi PN pada 16 Mei secara rasmi bersetuju meneroka kerjasama pilihan raya dengan parti lain melalui pendekatan bersama dan jawatankuasa khas dipersetujui secara kolektif. Lebih penting, mesyuarat itu dipengerusikan sendiri Pengerusi PN merangkap Naib Presiden PAS, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar. Kenyataan rasmi keputusan mesyuarat pula dikeluarkan Setiausaha Agung PN merangkap Setiausaha Agung PAS, Datuk Seri Takiyuddin Hassan.

Ini bermakna keputusan untuk meneroka kerjasama pilihan raya bukan keputusan unilateral BERSATU tetapi keputusan rasmi hasil musyawarah seluruh kepimpinan tertinggi PN termasuk PAS sendiri.

Malah pada 17 Mei, Takiyuddin sekali lagi mengeluarkan kenyataan rasmi bahawa PN akan menubuhkan jawatankuasa khas bagi memperincikan bentuk kerjasama politik berkenaan. Ertinya, proses itu sudah dipersetujui secara organisasi dan sedang bergerak secara rasmi.

Namun secara tiba-tiba, Presiden PAS tampil mengkritik secara terbuka keputusan lahir daripada mesyuarat turut dihadiri pemimpin PAS sendiri. Ini menimbulkan persepsi keputusan musyawarah hanya dihormati apabila selari dengan kehendak tertentu.

Lebih ironik, hanya beberapa hari sebelumnya, iaitu pada 13 Mei, Takiyuddin mengeluarkan kenyataan rasmi PN berbunyi: "PN mengingatkan semua pimpinan dan ahli parti anggotanya supaya tidak membuat sebarang kritikan tidak wajar secara sembarangan kepada mana-mana parti komponen PN lain sama ada melalui media mahupun sebarang saluran lain."

Beliau turut menegaskan: "Sebarang ketidakpuasan hati haruslah disalurkan kepada saluran parti masing-masing yang kemudiannya akan dibawa, dibincangkan dan diputuskan secara musyawarah dalam PN."

Persoalannya sekarang, bukankah tindakan Presiden PAS sendiri bercanggah dengan peringatan rasmi berkenaan? Jika benar wujud rasa tidak puas hati terhadap BERSATU atau keputusan tertentu dalam PN, saluran paling profesional adalah membawa perkara itu ke Majlis Tertinggi PN untuk dibincangkan secara tertutup dan bermusyawarah. Itulah prinsip organisasi yang matang.

Sebaliknya, apabila kritikan dibuat terbuka me-

Politik hari ini bukan lagi soal siapa paling dominan tetapi siapa paling mampu menunjukkan kematangan, disiplin organisasi dan kemampuan mengurus perbezaan secara profesional

lalui sidang media, ia bukan sahaja mencetuskan kekeliruan akar umbi, malah memberi imej bahawa pimpinan tertinggi sendiri tidak menghormati keputusan organisasi.

Inilah sebab mengapa ramai mula mempersoalkan struktur kepimpinan PN hari ini. Sebelum ini sudah ada pandangan Presiden PAS sendiri sepatutnya memegang jawatan Pengerusi PN bagi memastikan autoriti politik lebih jelas dan tersusun. Namun, jawatan berkenaan diberikan kepada Ahmad Samsuri yang hanya bertaraf Naib Presiden PAS.

Hilang kawalan terhadap disiplin politik

Akibatnya, apabila berlaku percanggahan pandangan, Pengerusi PN dilihat tidak mempunyai kawalan penuh terhadap disiplin politik dalam partinya sendiri. Lebih membimbangkan apabila keputusan dipengerusikan sendiri beliau akhirnya dipersoalkan secara terbuka oleh Presiden partinya sendiri. Keadaan ini akhirnya menimbulkan gambaran huru-hara dalam pengurusan gabungan.

Pada masa sama, PAS juga tidak boleh menafikan BERSATU dan Presidennya, Tan Sri Muhyiddin Yassin, mempunyai jasa besar kepada PAS sebelum

dan selepas pembentukan PN.

Ketika PAS berdepan cabaran, BERSATU membuka ruang kerjasama politik yang akhirnya membolehkan PAS berada dalam Kerajaan Persekutuan serta memperkukuh pengaruhnya di beberapa negeri.

Justeru, PAS tidak boleh dilihat seperti kacang lupakan kulit hanya kerana terdapat beberapa perbezaan pandangan politik semasa.

Malah, isu kedudukan BERSATU dalam PN bukan isu PAS semata-mata kerana ia membabitkan seluruh parti komponen PN.

Sebab itu Ketua Penerangan Pemuda Nasional GERAKAN, Tommy Ng, turut mengingatkan: "Segala keputusan berkaitan kerjasama parti dalam PN perlu dibuat secara konsensus dan semangat saling menghormati." Beliau turut menegaskan: "Sebarang perbezaan pandangan perlu diurus dengan semangat musyawarah dan saling menghormati."

Kenyataan ini jelas menggambarkan komponen lain dalam PN juga mahu sebarang isu dalaman diselesaikan secara tertutup dan profesional, bukannya melalui tekanan terbuka di media.

Hemat saya, perkembangan mutakhir ini hanya akan melemahkan PN secara keseluruhan. Dalam keadaan Pakatan Harapan (PH) sendiri sedang berdepan tekanan dalaman, konflik terbuka dalaman PN akhirnya akan memberi kelebihan kepada Barisan Nasional (BN) untuk kembali memperkukuh kedudukan menjelang Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16).

Politik hari ini bukan lagi soal siapa paling dominan tetapi siapa paling mampu menunjukkan kematangan, disiplin organisasi dan kemampuan mengurus perbezaan secara profesional.

Jika pimpinan tertinggi sendiri gagal menghormati keputusan musyawarah yang dipersetujui bersama, maka sukar meyakinkan rakyat bahawa mereka mampu mentadbir negara secara stabil, tersusun dan berprinsip.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

Ragam

